

Rancang hartanah

Axis Real Estate Investment Trust merancang memperoleh tiga hingga lima lagi aset hartanah pada 2010 dan meraih RM113 juta, awal tahun ini.

Ketua Eksekutifnya, Stewart LaBrooy, berkata sasaran syarikat ialah untuk menambah jumlah aset kepada sekurang-kurangnya RM1 bilion daripada RM907.7 juta setakat Disember tahun lalu.

Sasaran pemerolehan aset hartanah berpotensi itu, termasuk dua unit gudang logistik baru di Johor, sebuah kilang atau gudang di Puchong dan bangunan pejabat di Cyberjaya.
